

RISDA dijangka buka satu lagi kolejnya di Perak

2011/01/07

IPOH: Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) akan membuka sebuah lagi Kolej RISDA di Perak.

Pengerusi Maju Perak Bhd, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata sebuah tapak seluas kira-kira 1,200 hektar telah dikenalpasti oleh kerajaan negeri Perak bagi tujuan itu.

Beliau berkata, rundingan sedang dijalankan dengan RISDA bagi membangunkan Kolej RISDA yang kedua selepas di Alor Gajah, Melaka.

"Kami (Perak) mempunyai kawasan yang luas dan telah dikenalpasti untuk pembangunan sebuah kolej bersebelahan tapak Pusat Veterinar Negara yang menternak kambing Boer dekat Selama," katanya di sini, hari ini.

Kolej RISDA adalah badan korporat yang berdaftar sebagai Institut Pengajian Tinggi Swasta di bawah Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta 1996 kini mempunyai empat kampus cawangan iaitu di Perak, Kelantan dan Pahang.

Kolej itu turut menjalin kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk beberapa program pengajiannya.

Beliau berkata, usaha membawa masuk kolej berkenaan sejajar dengan program kerajaan negeri Perak untuk membangunkan modal insan serta menempatkan institusi pengajian di kawasan luar bandar bagi meningkatkan ekonomi setempat. - BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara 2010 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.